

21 JUN 2018

GRO ejen edar dadah

GRO ejen edar dadah

Kuala Lumpur: Pelayan wanita (GRO) dikesan menjadi ejen kepada sindiket pengedaran dadah serbuk berperisa buah-buahan untuk membekalkan barangan terbabit kepada pengunjung pusat hiburan.

Perkara itu didedahkan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Datuk Izhar Abu Talib.

Beliau berkata, selain menasarkankan remaja dan pengunjung pusat hiburan, GRO pula direkrut sindiket pengedaran dadah sebagai ejen mereka.

"Berdasarkan siasatan terhadap beberapa GRO yang ditahan ketika operasi di Lembah Klang, ada segelintir pengusaha memaksa GRO menjual barangan haram berkenaan kepada pengunjung pusat hiburan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurutnya, pengambilan dadah jenis berkenaan oleh pengunjung di pusat hiburan sukar dikesan dengan mata kasar.

"Hanya ujian saringan air kencing mampu mengesan sesiapa yang mengambil barangan haram itu," katanya.



“Ada segelintir pengusaha memaksa GRO menjual barangan haram berkenaan kepada pengunjung pusat hiburan”

Izhar Abu Talib

Menurutnya, penggunaan dadah serbuk berperisa buah-buahan itu menjadi trend terkini sindiket pengedaran dadah.

"Ia bagi mengaburi mata pihak berkuasa selain turut dibungkus dalam peket menarik bertujuan mempengaruhi pengunjung pusat hiburan untuk membeli dan mencuba dadah itu," katanya.